

Perenggan 1:

Kawasan pantai yang menarik dengan dihiasi pasir yang putih bersih dan diiringi angin yang bertiup nyaman menjadi tarikan para pelancong. Kedudukan Malaysia sebagai sebuah semenanjung yang menganjur dari tanah besar Asia serta dikelilingi oleh Laut China Selatan dan Selat Melaka memberikan keistimewaan yang tersendiri. Setiap persisiran pantai itu terdapat pantai-pantai yang sesuai untuk dikunjungi dan beriadah, seperti Pantai Merdeka di Kedah, Batu Feringghi di Pulau Pinang, Desaru di Johor, Pantai Cahaya Bulan di Kelantan, dan lain-lain. Pantai-pantai ini telah menjadi daya penarik kepada pelancong domestik dan luar negara.

Perenggan 2:

Di samping itu, Malaysia dikurniakan alam semula jadi yang indah kerana negara ini antara negara yang mempunyai hutan malar hijau tertua di dunia. Hutan malar hijau ini mempunyai beberapa keunikan, seperti air terjun yang indah dan nyaman. Usaha pihak kerajaan dan swasta untuk menjadikan kawasan ini sebagai hutan lipur telah menarik ramai pelancong untuk

berkunjung pada hari minggu dan cuti umum. Antara hutan lipur yang terkenal ialah Lata Bukit Hijau di Kedah, Lata Kijang di Perak, Titi Kerawang di Pulau Pinang, dan sebagainya.

Perenggan 3:

Bagi pelancong yang telah berkeluarga, taman-taman tema tentu menjadi pilihan hati untuk beriadah bersama keluarga. Kewujudan taman-taman tema yang bak cendawan tumbuh selepas hujan ini menjadi tarikan yang menyeronokkan untuk bersuka ria bersama-sama keluarga dan anak-anak. Sunway Lagoon di Selangor, Taman Tema A' Famosa di Melaka, dan Legoland Malaysia di Johor antara taman tema mesra keluarga yang popular. Tegasnya, percutian di taman tema merapatkan hubungan kekeluargaan para pelancong.

Perenggan 4:

Akhir sekali, pelancongan ke tanah tinggi merupakan suatu bentuk pelancongan yang semakin mendapat perhatian pelancong domestik dan antarabangsa di Malaysia. Kebanyakan zon tanah tinggi ini kaya dengan pelbagai spesies flora dan fauna serta dilengkapi kemudahan seperti kereta kabel, pusat beli-belah, taman tema, dan lain-lain lagi. Kedatangan ribuan pelancong ke Cameron Highlands, Genting Highlands, Taman Negara Mulu, dan sebagainya memberikan pendapatan yang tinggi kepada industri pelancongan negara.